

8

Harga, Guna Tenaga dan Upah

Harga

Pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh diiringi oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang lebih pesat, sedikit sebanyak telah memberi tekanan ke atas harga pengguna. Dalam pada itu, kekurangan tenaga pekerja dan tekanan seirangan ke atas jangkaan upah di samping tahap penggunaan sumber yang tinggi, terutamanya di sektor perkilangan, merupakan perkara yang membimbangkan kerana ekonomi mungkin menghampiri tahap berkembang terlampau pesat. Memandangkan perkembangan sedemikian, Kerajaan telah mengambil tindakan antiinflasi yang tegas bagi menangani tekanan inflasi terhadap ekonomi. Dasar kewangan yang ketat telah diambil bagi mengurangkan kecairan berlebihan berpunca dari aliran masuk modal jangka pendek yang besar. Pada masa yang sama, kawalan fiskal berhati-hati telah diteruskan dengan tujuan mengukuhkan lagi perbelanjaan sektor awam. Tambahan lagi, langkah-langkah pentadbiran telah juga dilaksanakan untuk menghindarkan amalan dan etika perniagaan yang tidak sihat dan terutamanya untuk memastikan manfaat dari penurunan dan pemansuhan duti-duti import yang diumumkan oleh Kerajaan dinikmati oleh para pengguna.

Mencerminkan terutamanya kejayaan langkah-langkah ini, inflasi sebagaimana yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna (IHP)** yang meningkat sebanyak 4.5% dalam tempoh suku pertama tahun 1994, telah berkurangan kepada 3.6% dalam tempoh suku kedua. Kenaikan ketara dalam suku pertama tahun 1994 kebetulannya berlaku pada musim dua perayaan utama. Secara perbandingan tahunan, IHP meningkat dengan sederhana sebanyak 3.8% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, iaitu menyamai peningkatan sebanyak 3.8% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pada peringkat kawasan, IHP bagi Semenanjung Malaysia meningkat pada kadar yang

lebih rendah sebanyak 3.7% (Januari-Ogos 1993: 3.9%), manakala kadar kenaikan bagi Sarawak adalah lebih tinggi sebanyak 4.7% (Januari-Ogos 1993: 3.5%) dan bagi Sabah sebanyak 3.4% (Januari-Ogos 1993: 2.9%) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8.1.

Jadual 8.1

Indeks Harga Pengguna (1990=100)

	Wajaran ¹	Perubahan tahunan (%) (Januari-Ogos)		
		1993	1993	1994
Malaysia	100.0	3.6	3.8	3.8
Makanan	33.7	2.2	1.8	5.6
Minuman dan tembakau	4.3	14.8	18.8	4.9
Pakaian dan kasut	4.0	0.5	0.7	-0.7
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	20.2	3.5	3.7	2.3
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah tangga	5.8	1.3	1.0	1.9
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	5.1	5.2	3.3
Pengangkutan dan perhubungan	18.6	5.6	6.4	4.6
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	5.2	0.5	0.4	0.6
Pelbagai barang dan perkhidmatan	6.4	2.6	2.7	2.8
Semenanjung Malaysia	100.0	3.7	3.9	3.7
Sabah	100.0	2.4	2.9	3.4
Sarawak	100.0	3.4	3.5	4.7

¹ Wajaran yang digunakan adalah berdasarkan wajaran mutakhir daripada Kajian Perbelanjaan Isi Rumah 1990 dan pusat kutipan harga terpilih yang telah disemak semula.

Sumber: Jabatan Perangkaan.


Kadar kenaikan IHP yang lebih rendah dari sebulan ke sebulan mencerminkan kejayaan pakej menyeluruh langkah-langkah antiinflasi Kerajaan melalui gabungan langkah-langkah kewangan yang ketat, fiskal berhemat dan pentadbiran. Dasar kewangan yang ketat pada tahun 1994 tertumpu terutamanya kepada mengurangkan kecairan berlebihan ekoran aliran masuk dana spekulatif jangka pendek terutamanya pada bulan Januari 1994. Dasar fiskal bersifat agak mengembang dengan tujuan menyelenggara infrastruktur yang sedia ada di samping mengurangkan sesakan infrastruktur dan membangunkan tenaga manusia yang akan memberi tekanan ke atas kos, sekiranya tidak diatasi. Pengurangan dan pemansuhan duti import ke atas lebih daripada 500 jenis barangan dalam Belanjawan 1994 sebagai tambahan kepada lebih daripada 600 jenis barangan dalam Belanjawan 1993, di samping kadar inflasi dunia yang lebih rendah menyumbangkan kepada kestabilan harga barangan import. Pada 19 Mei 1994, Kerajaan telah melancarkan kempen antiinflasi jangka panjang untuk memperhebatkan usaha-usaha mendidik orang ramai mengenai sebab dan kesan inflasi dan peranan positif para pengguna ke arah menangani kenaikan harga yang tidak berasas. Kempen tersebut juga akan membantu mengurangkan *inflationary expectations* memandangkan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Pelaksanaan langkah-langkah pentadbiran yang bertujuan memperbaiki maklumat harga, menghindari pencatutan dan menggalakkan amalan perniagaan adil dan beretika juga diperhebatkan. Pusat Maklumat Harga yang ditempatkan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 12 Oktober 1993, bagi menyelaraskan pengumpulan harga runcit mengenai 90 jenis barangan asas dan 10 jenis barangan kawalan. Harga runcit barangan berkenaan diawasi dan disebarkan melalui media massa seminggu sekali bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan harga. Satu Jawatankuasa Bersama Sistem Amaran Awal juga telah ditubuhkan bagi mengawasi arah aliran harga di samping mengenal pasti faktor-faktor luaran dan dalaman yang mungkin menyebabkan kekurangan barangan keperluan asas. Ini akan membolehkan Kerajaan mengambil langkah-langkah awal bagi memastikan bekalan adalah mencukupi dan dengan demikian mengelakkan dari kenaikan harga yang tinggi secara mendadak akibat kekurangan bekalan berkenaan. Amalan perniagaan yang adil dan

beretika digalakkan oleh Kerajaan melalui pemberian taraf 'Kedai Harga Patut' kepada kedai-kedai runcit. Sehingga 31 Ogos 1994, 187 buah kedai runcit telahpun diberi pengiktirafan 'Kedai Harga Patut'.

Pada tahun 1994, sebagai satu tindak balas terhadap tekanan yang tidak berasas untuk menaikkan harga roti, semua jenis roti, melainkan lof Perancis, yang beratnya antara 200 gram sehingga 1,000 gram disenaraikan sebagai barangan berjadual pada 1 Ogos 1994 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dengan ini bilangan barangan berjadual di bawah Akta ini telah bertambah kepada 20. Pembuat roti untuk jualan kini dikehendaki memohon untuk lesen daripada KPDNHEP dan meminta kelulusannya sebelum menaikkan harga barangan tersebut. Akta Perlindungan Pengguna dan Akta Persaingan sedang digubal. Akta Perlindungan Pengguna adalah bertujuan memastikan bahawa pengguna diberi perlindungan yang sewajarnya dari amalan perniagaan yang tidak beretika dan tidak adil, sementara Akta Persaingan yang dicadangkan

Carta 8.1
Indeks Harga Pengguna (1990 = 100)
(perubahan tahunan)



akan mewujudkan dan memudahkan persekitaran pasaran yang berdaya saing dan menghindarkan amalan oligopoli atau monopoli dan ketegaran harga.

Kenaikan IHP keseluruhan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 terutamanya disebabkan oleh kenaikan ketara yang dicatatkan bagi indeks harga kumpulan makanan, pengangkutan dan perhubungan serta sewa kasar, bahan api dan kuasa. Kumpulan-kumpulan ini telah menyebabkan 83.7% kenaikan IHP keseluruhan, berbanding dengan 67.7% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Indeks kecil **makanan** meningkat sebanyak 5.6% (Januari-Ogos 1993: 1.8%) dan menyebabkan lebih separuh dari kenaikan IHP keseluruhan, sementara barangan bukan makanan meningkat secara sederhana sebanyak 2.9% (Januari-Ogos 1993: 4.8%). Peningkatan yang besar indeks kecil makanan terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketara kumpulan kecil ikan (13.5%), buah-buahan dan sayur-sayuran (8.9%) dan daging (7.7%) sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8.2. Peningkatan ini mencerminkan kekangan bekalan dan sesakan

pengedaran serta permintaan yang kian meningkat dari dalam dan luar negeri.

Indeks kecil **pengangkutan dan perhubungan** meningkat dengan ketara sebanyak 4.6% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, walaupun adalah lebih rendah daripada kenaikan sebanyak 6.9% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1993. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor persendirian terutamanya akibat kenaikan nilai yen dan pengenalan model baru pada lingkungan harga yang lebih tinggi. Di negeri Sarawak, tambang teksi dan bas berhenti-henti dinaikkan sebanyak 15% berkuat kuasa mulai 1 Mei 1994. Walau bagaimanapun, penurunan duti import dan eksais bagi tayar dan penurunan sebanyak tiga sen harga runcit petrol tanpa plumbum berkuat kuasa mulai 1 Januari 1994, agak mengurangkan kenaikan harga berkenaan. Namun begitu, harga runcit keluaran petroleum lain kekal tidak berubah. Begitu juga indeks kecil **sewa kasar, bahan api dan kuasa** yang terus meningkat sebanyak 2.3% (Januari-Ogos 1993: 3.7%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan 3% kadar sewa ekoran dari permintaan yang kukuh untuk rumah kediaman dan pasaran hartanah yang terus teguh. Namun demikian, penurunan kadar tarif bagi tenaga elektrik berkuat kuasa mulai 1 Mac dan 1 Jun 1994 kesan dari harga minyak dunia yang lebih rendah, telah menyederhanakan sebahagian besarnya kenaikan ini. Berkuatkuasa mulai 1 September 1993, bayaran tenaga elektrik bagi semua golongan pengguna di Semenanjung Malaysia akan dikaji berdasarkan satu formula yang antara lain mengambil kira IHP, faktor kecekapan dan komponen bahan api bagi Tenaga Nasional Berhad. IHP akan dikaji sekali setahun, faktor kecekapan empat tahun sekali dan komponen bahan api sekali tiap-tiap tiga bulan bagi mengambil kira turun naik kos bahan api.

Indeks kecil **pakaian dan kasut** mencatatkan kejatuhan sebanyak 0.7% (Januari-Ogos 1993: 0.7%) buat kali pertama semenjak tahun 1975, terutama sekali disebabkan oleh harga yang lebih rendah bagi pakaian dan kasut ekoran penurunan duti import bagi beberapa jenis barangan seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1994. Indeks kecil **minuman dan tembakau** terus meningkat sebanyak 4.9%, walaupun pada kadar yang jauh lebih rendah berbanding dengan peningkatan 18.8% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Jadual 8.2

**Malaysia: Indeks Harga Pengguna
bagi Makanan (1990=100)**

	Wajaran ¹	Perubahan tahunan (%) Januari-Ogos		
		1993	1993	1994
Jumlah Makanan	33.7	2.2	1.8	5.6
Makanan di rumah	27.0	2.4	1.8	6.2
Beras, roti dan bijirin lain	6.2	2.4	2.4	0.6
Daging	4.2	1.5	1.7	7.7
Ikan	5.2	3.9	2.5	13.5
Susu dan telur	2.4	2.9	3.5	1.3
Minyak dan lemak	0.8	2.5	3.3	0.5
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.2	3.1	0.6	8.9
Gula	0.8	-0.2	-0.2	0.1
Kopi dan teh	0.9	0.0	-0.1	1.4
Makanan-makanan lain	1.3	-1.1	-0.4	-3.0
Makanan di luar rumah	6.7	1.9	1.9	2.8

¹ Wajaran yang digunakan adalah berdasarkan wajaran muktahir daripada kajian Perbelanjaan Isi Rumah 1990 dan pusat kutipan harga yang telah disemak semula.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Harga bagi **barangan tahan lama** meningkat lebih tinggi lagi sebanyak 6.8% (Januari-Ogos 1993: 5.5%) mencerminkan terutamanya harga-harga yang lebih tinggi bagi kenderaan bermotor persendirian. Begitu juga, harga-harga **barangan tidak tahan lama** meningkat sebanyak 4.5% (Januari-Ogos 1993: 3.3%) menunjukkan kenaikan harga yang ketara bagi ikan, buah-buahan, sayur-sayuran dan daging. Sebaliknya, indeks kecil **barangan separa tahan lama** (termasuk pakaian, linen dan perkakas berkebun) berkurangan sebanyak 0.6% (Januari-Ogos 1993: 0.7%), sementara indeks kecil bagi **perkhidmatan** meningkat dengan sederhana sebanyak 2.8%, berbanding dengan kenaikan sebanyak 4.3% dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Indeks Harga Pengeluar (PPI) yang mengukur kadar purata perubahan harga-harga bagi semua


Jadual 8.3

Indeks Harga Pengeluar (1978=100)

		Perubahan tahunan (%) (Januari-Ogos)		
	Wajaran	1993	1993	1994
Ekonomi Tempatan	100.0	1.4	2.4	3.7
Makanan dan binatang hidup untuk dimakan	16.8	1.9	3.8	7.2
Minuman dan tembakau	2.7	11.4	12.3	5.6
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api	20.7	1.4	2.1	7.6
Minyak galian, pelincir dan bahan berkaitan	11.3	-2.3	-0.7	-3.7
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	5.9	-2.2	0.7	15.2
Kimia dan keluaran kimia	4.4	-0.4	-0.8	1.3
Barang perkilangan dijeniskan terutama mengikut bahan	14.9	0.9	0.4	1.1
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	17.8	3.4	4.1	0.3
Pelbagai barang keluaran kilang	4.1	0.5	0.4	2.9
Pelbagai barangan dan perniagaan	1.4	0.9	3.4	-0.5
Pengeluaran Tempatan	71.8	1.6	2.9	5.1
Import	28.2	1.0	1.0	0.1

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Carta 8.2
Indeks Harga Pengeluar (1978 = 100)
(perubahan tahunan)



barangan yang dikenakan oleh pengeluar dan dibayar oleh pengimport, meningkat pada kadar yang lebih tinggi dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994. PPI bagi **ekonomi tempatan** meningkat sebanyak 3.7% (Januari-Ogos 1993: 2.4%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga bagi indeks kecil utama khususnya keluaran pertanian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.3. Indeks kecil makanan dan binatang hidup meningkat dengan ketara sebanyak 7.2% (Januari-Ogos 1993: 3.8%) terutamanya disebabkan oleh kekangan bekalan dan kos pengeluaran yang terus meningkat. Begitu juga, indeks kecil minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran meningkat dengan lebih tinggi lagi sebanyak 15.2% (Januari-Ogos 1993: 0.7%) disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah dan proses akibat permintaan kukuh. Indeks kecil bahan mentah meningkat sebanyak 7.6% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 (Januari-Ogos 1993: 2.1%), terutamanya disebabkan oleh kenaikan yang berterusan harga getah asli dan minyak sawit belum proses.

Pada peringkat yang lebih terperinci PPI bagi **pengeluaran tempatan** meningkat sebanyak 5.1% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, berbanding dengan 2.9% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Peningkatan yang lebih pesat disebabkan terutamanya oleh kenaikan ketara yang dicatatkan dalam harga minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (15.2%), bahan mentah (8.2%) dan makanan dan binatang hidup (8.1%). Sebaliknya, indeks kecil bagi pelbagai barangan dan perniagaan merosot sebanyak 0.7% dan jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 0.3%, manakala kadar peningkatan indeks minuman dan tembakau menjadi perlahan sebanyak 6.9% (Januari-Ogos 1993: 12.9%).

PPI bagi **import** meningkat sedikit sahaja iaitu sebanyak 0.1% (Januari-Ogos 1993: 1%), mencerminkan sebahagian besarnya kesan positif pemansuhan dan penurunan duti import dalam Belanjawan 1994 di samping inflasi dunia yang lebih rendah. Ini ditunjukkan dalam kejatuhan tambahan sebanyak 2.6% bagi minyak galian, minyak pelincir dan bahan-bahan berkaitan (Januari-Ogos 1993: -0.2%) di samping kejatuhan 2.2% bagi bahan mentah (Januari-Ogos 1993: 0.2%). Kenaikan yang lebih rendah dicatatkan dalam indeks kecil kimia dan keluaran kimia (0.1%), minuman dan tembakau (2.2%), barang perkilangan (0.2%) dan alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (0.7%).

Bagi tahun 1995, Kerajaan akan terus membanteras arah aliran inflasi melalui gabungan langkah-langkah kewangan, fiskal dan pentadbiran dan pada masa yang sama memastikan kenaikan harga tidak diperburukkan oleh kenaikan upah tidak terkawal yang tidak diasaskan kepada peningkatan dalam produktiviti. Tambahan lagi langkah-langkah akan diambil untuk mengurangkan kekangan bekalan, terutamanya bagi makanan. Kejayaan langkah-langkah ini dan nilai ringgit yang stabil akan membantu mengurangkan kenaikan paras harga umum.

Guna Tenaga

Prestasi ekonomi yang berterusan kukuh dijangka menjana lebih banyak peluang pekerjaan. Dengan itu guna tenaga dijangka meningkat pada kadar 3% pada tahun 1994 (1993: 4.2%) dengan mewujudkan sebanyak 222,000 pekerjaan

tambahan (1993: 300,000). Dengan penawaran tenaga buruh yang dijangka bertambah pada kadar yang lebih rendah iaitu 2.9% (1993: 3.5%), kadar pengangguran dijangka berkurangan lagi kepada 2.9% pada tahun 1994 berbanding dengan 3% pada tahun 1993 menunjukkan bahawa ekonomi telah mencapai tahap guna tenaga yang penuh. Ini telah menimbulkan kesesakan dalam pasaran buruh dengan kebanyakan sektor-sektor dalam ekonomi menghadapi kekurangan tenaga buruh.

Jumlah guna tenaga pada tahun 1994 dianggarkan mencapai 7.6 juta (1993: 7.4 juta). Seperti dalam tahun-tahun yang lalu, sektor sekunder dan perkhidmatan dijangka menyumbang sebahagian besar, iaitu sebanyak 79.6% kepada jumlah guna tenaga (1993: 78.3%), manakala sumbangan sektor utama dijangka akan berkurangan kepada 20.4% daripada 21.8% pada tahun 1993 (lihat Jadual 8.4). Pengwujudan pekerjaan yang ketara dijangka berlaku dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan, selaras dengan kadar pertumbuhan pengeluaran teguh sektor-sektor tersebut.

Jadual 8.4
Guna Tenaga Mengikut Sektor
(% sumbangan)



	1993	1994
Pertanian, perhutanan dan perikanan	21.3	19.9
Perlombongan	0.5	0.5
Perkilangan	23.6	24.6
Pembinaan	7.4	7.8
Elektrik, gas dan air	0.8	0.8
Perniagaan, borong dan runcit, hotel dan restoran	17.2	17.3
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perdagangan	4.5	4.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	4.7	4.8
Perkhidmatan Kerajaan	11.6	11.4
Perkhidmatan lain	8.4	8.4
JUMLAH	100.0	100.0
Sektor utama	21.8	20.4
Sektor sekunder	31.0	32.4
Sektor perkhidmatan	47.2	47.2
<i>Sumber: Unit Perancang Ekonomi</i>		

Jumlah guna tenaga dalam sektor perkilangan dijangka mencapai 1.9 juta pekerjaan pada tahun 1994, menyumbang sebanyak satu perempat jumlah guna tenaga atau mewujudkan 60.8% pekerjaan baru. Sektor ini yang dijangka merekodkan pertumbuhan dua angka dalam pengeluaran akan menjadi majikan yang terbesar dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, dengan penstrukturan semula industri kepada proses pengeluaran yang menghasilkan nilai ditambah yang tinggi dan yang menjimatkan buruh, industri-industri sedang beralih kepada automasi. Pelaburan modal yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, menunjukkan nisbah modal kepada pekerjaan di sektor perkilangan telah meningkat daripada 14 pekerjaan untuk setiap juta ringgit pelaburan yang diluluskan dalam tahun 1989 kepada tujuh peluang pekerjaan pada tahun 1993. Berikutan dengan peralihan itu ialah bertambahnya permintaan untuk pekerja-pekerja mahir dan separa mahir.

Guna tenaga di **sektor perkhidmatan** dijangka akan meningkat kepada 3.6 juta pekerja pada tahun 1994 (1993: 3.5 juta) dengan sumbangannya kepada jumlah guna tenaga sebanyak 47.2%. Sektor-sektor kecil seperti pengangkutan, penyimpanan dan pengangkutan dan juga perniagaan runcit, hotel dan restoran dijangka akan menunjuk pertumbuhan guna tenaga yang berterusan. Guna tenaga di **sektor pembinaan** dijangka akan meningkat lagi, dengan mewujudkan 49,000 pekerjaan baru pada tahun 1994 iaitu peningkatan sebanyak 8.9% pada tempoh yang sama. Sumbangannya kepada jumlah guna tenaga akan meningkat daripada 7.4% pada tahun 1993 kepada 7.8% pada tahun 1994. Sebaliknya sumbangan **sektor pertanian, perhutanan dan perikanan** kepada jumlah guna tenaga dijangka berkurangan lagi selaras dengan pertumbuhan yang perlahan di sektor ini. Sumbangannya kepada guna tenaga akan berkurangan kepada 19.9% daripada 21.3% pada tempoh itu.

Dari segi bilangan jawatan baru yang kosong yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia, jumlahnya telah berkurangan sebanyak 44% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 kepada 32,705 berbanding dengan 58,921 kekosongan dalam tempoh yang sama pada tahun 1993. Penurunan di negeri Penang, Perak dan Johor adalah lebih

Carta 8.3
Petunjuk-Petunjuk Guna Tenaga



1/ Akhir tempoh kecuali 1994, sehingga bulan Jun
2/ % perubahan bagi 1994 adalah berasaskan data bulan Jun
Sumber : KWSP

tinggi pada masing-masing kadar 73%, 78% dan 66%. Walau bagaimanapun, di Selangor, Pahang dan Melaka, diperhatikan terdapat peningkatan bilangan jawatan-jawatan baru yang kosong masing-masing sebanyak 22%, 38% dan 38%.

Bilangan pendaftar aktif (iaitu pencari kerja yang aktif) yang didaftarkan dengan Jabatan Tenaga Rakyat telah berkurangan sebanyak 23% kepada 27,437* pada bulan Julai 1994 berbanding dengan 35,485 untuk bulan yang sama pada tahun 1993. Mengikut negeri, penurunan yang terbesar adalah di Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka. Walau bagaimanapun di Kelantan dan Sabah, jumlah pendaftar aktif menunjukkan peningkatan masing-masing pada kadar 22% dan 69%.

Dengan ekonomi hampir mencapai tahap guna tenaga penuh, masalah kekurangan tenaga sedang dialami oleh kebanyakan sektor khususnya sektor perladangan, pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan. Kajian Perubahan Pekerja bagi separuh kedua tahun 1993 yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Rakyat telah mengenal pasti perubahan pekerja-pekerja yang ketara di tujuh jenis pekerjaan. Pertukaran pekerja-pekerja yang berlaku secara ketara telah dikenal pasti untuk kategori-kategori "pembantu kejuruteraan awam" dan "juruteknik yang berkaitan" disebabkan perkembangan pesat dalam sektor pembinaan. Dalam kategori "pengeluaran dan pekerja-pekerja yang berkaitan", pekerjaan-pekerjaan yang terus menghadapi pertukaran pekerja-pekerja yang ketara ialah "pembuat pola dan pemotong", "penjahit dan penyulam" di dalam industri tekstil dan pakaian; "operator mesin kerja kayu" di dalam industri barangan berasaskan kayu; "pemasang peralatan elektrik dan elektronik" di dalam industri barangan elektrik dan elektronik; dan "pekerja yang berkaitan" di dalam industri pencetakan dan penerbitan. Satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menunjukkan bahawa kekurangan tenaga buruh adalah ketara di dalam industri-industri seramik, oleokimia, jentera dan kejuruteraan, plastik, keluaran berasaskan kayu, teknologi maklumat, kimia, elektronik dan elektrik dan tekstil dan pakaian. Masalah kekurangan buruh menjadi lebih buruk dengan ketidakseimbangan antara permintaan

dengan jenis penawaran tenaga buruh dan juga peningkatan kemahiran yang lambat untuk memenuhi keperluan perubahan-perubahan teknologi.

Untuk mengatasi masalah latihan kemahiran, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang telah dilancarkan pada 1 Januari 1993 menyediakan bantuan kewangan kepada majikan di sektor perkilangan yang menghantar pekerja-pekerja mereka bagi menyertai program latihan yang diluluskan. Sehingga Julai 1994, sebanyak 3,417 majikan telah mendaftar dengan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dan levi berjumlah RM88.1 juta telah dikutip untuk tujuan latihan. Sejumlah RM26.4 juta atau 30% telah diluluskan sebagai geran latihan bagi menampung kos elaun-elaun untuk menyertai program-program latihan yang dijalankan. Kira-kira 320,133 pekerja telah mendapat manfaat dari kursus-kursus latihan yang dibiayai oleh Tabung ini.

Bagi menambah keberkesanan Kumpulan Wang ini dan menggalakkan majikan untuk meningkatkan lagi latihan yang diberi kepada pekerja-pekerja mereka, satu skim bantuan latihan yang baru, kos-kos elaun baru dibenarkan dituntut dan kadar-kadar baru bagi bantuan kewangan untuk melatih pekerja telah diperkenalkan. Untuk memudahkan dan menggalakkan khususnya majikan yang kecil untuk meningkatkan latihan semula dan kemahiran tenaga buruh mereka dengan beban kewangan yang minimum, Skim Perla baru (Persetujuan dengan Pembekal Pelatih) telah diperkenalkan. Pihak majikan perlu membayar peratusan yang kecil kepada yuran yang diluluskan apabila pekerja-pekerja mereka didaftarkan untuk program latihan sebagai yuran pertama dan bakinya akan dituntut secara langsung oleh pembekal latihan yang berkenaan daripada Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Ini adalah prosedur yang lebih baik daripada yang sedia ada di mana pihak majikan perlu membayar pada peringkat awal lagi segala yuran yang dikenakan dan hanya boleh menuntut bayaran tersebut selepas latihan itu berakhir. Kos-kos elaun baru yang dibenarkan dituntut meliputi sewaan hotel, elaun makanan untuk program yang diadakan di dalam organisasi, dan elaun perjalanan untuk pelatih-pelatih korporat yang menjalankan latihan di syarikat cawangan. Program/kursus

* Angka-angka bagi bulan belum diperakui lagi.

latihan semula dan peningkatan kemahiran di peringkat diploma layak juga menerima bantuan kewangan. Kadar subsidi baru untuk latihan mahir dalam teknik pertukangan dan bidang-bidang berkaitan dengan komputer ialah 80% daripada jumlah kos yang dibelanjakan, 75% bagi latihan semula dan peningkatan kemahiran dan 50% bagi latihan luar negeri.

Untuk menentukan supaya penawaran tenaga buruh yang terlatih adalah mencukupi, Kerajaan telah menggalakkan penubuhan institusi-institusi vokasional dan latihan serta pusat pengembangan kemahiran lanjutan, khususnya yang dikendalikan oleh sektor swasta. Pengambilan pelajar-pelajar di institut-institut latihan awam yang ditadbir oleh agensi-agensi Kerajaan telah bertambah manakala keupayaan institusi-institusi latihan di Kuala Lumpur dan Pasir Gudang telah diperluaskan. Pendaftaran di 10 buah Institut Latihan Industri (ILI) telah meningkat sebanyak 56.7% kepada 3,545 pelatih pada tahun 1994 berbanding dengan 2,264 pelatih pada tahun 1993. Jumlah jurulatih yang mendaftar dengan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (PLPKL) telah juga bertambah sebanyak 29.3% daripada 2,415 orang pada tahun 1993 kepada 3,122 orang pada tahun 1994.

Sebagai langkah sementara untuk melegakan kekurangan tenaga buruh, Kerajaan telah membenarkan pengambilan buruh asing berdasarkan kepada keperluan tertentu, walaupun pembekuan pengambilan pekerja asing separa mahir dan tidak mahir yang dikenakan mulai awal tahun 1994 masih dikuatkuasakan. Umpamanya, untuk mengatasi kekurangan tenaga buruh di ladang getah dan kelapa sawit yang diuruskan oleh agensi-agensi awam, pengambilan 17,000 pekerja asing telah diluluskan pada bulan Mei 1994. Tambahan pula, Kerajaan juga telah mengurangkan levi yang dikenakan ke atas pekerja-pekerja asing di sektor perladangan daripada RM360 kepada RM300. Pengambilan ahli-ahli profesional, pakar dan spesialis dari luar negeri walau bagaimanapun terus dibenarkan.

Walaupun Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing sebagai langkah sementara untuk menghadapi masalah kekurangan buruh, penyelesaian jangka masa panjang perlu dirumuskan. Ke arah ini, selain dari menggalakkan

automasi dan cara pengeluaran penjimatan buruh, usaha-usaha sedang diambil untuk memaksimumkan penggunaan tenaga buruh yang sedia ada, terutamanya tenaga buruh perempuan yang merupakan 46% daripada tenaga kerja. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengumumkan insentif-insentif cukai di dalam Belanjawan 1994 dalam bentuk potongan cukai bagi perbelanjaan untuk membina pusat asuhan kanak-kanak pekerja di tempat kerja mereka. Tambahan pula, usaha-usaha sedang diambil untuk menggalakkan majikan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat dan bekas penagih dadah. Setakat Disember 1993, Kerajaan telah berjaya menempatkan 1,473 orang-orang cacat dan 1,500 bekas penagih dadah untuk bekerja di sektor swasta.

Pihak Kerajaan menyedari bahawa usaha-usaha untuk menangani masalah kekurangan tenaga buruh perlu dipikul bersama. Pihak swasta akan digalakkan melalui penyediaan skim-skim insentif yang sesuai untuk menubuhkan institusi latihan kemahiran, khususnya yang memberikan fokus kepada program latihan teknikal yang memenuhi keperluan industri. Tambahan pula, Institut-Institut Latihan Industri di bawah Kementerian Sumber Manusia akan diwastakan secara beransur-ansur supaya boleh diambil alih oleh sektor-sektor kecil industri bagi menjalankan latihan-latihan khusus yang berkaitan secara langsung dengan keperluan industri.


Keutamaan akan diberi kepada latihan jurulatih dan pengwujudan kumpulan personel berlatih dalam kemahiran teknikal/saintifik yang berkaitan. Prosedur pengambilan pakar teknikal/spesialis dari luar negeri akan dipermudahkan dengan melonggarkan syarat-syarat masuk manakala skim imbuhan bagi jurulatih akan dikaji semula supaya lebih menarik dan mengekalkan mereka yang berpengalaman.

Upah

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta kekurangan tenaga buruh telah membawa tekanan ke atas upah, di mana industri-industri bersaing untuk menarik tenaga buruh khususnya yang mahir dan separa mahir dengan menawarkan upah yang lebih baik dan faedah-faedah sampingan lain. Upah

purata (berdasarkan kepada Kajian Perangkaan Perkilangan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang meliputi seramai 660,000 pekerja di semua peringkat) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 di sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 6.7% jika berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun 1993. Kadar kenaikan, walau bagaimanapun, adalah berbeza-beza di antara sektor-sektor kecil.

Di sektor yang mempunyai kesatuan-kesatuan sekerja, pertambahan upah purata seperti yang digambarkan di dalam 197 perjanjian upah bersama yang meliputi seramai 54,592 pekerja (ini mewakili kurang daripada 10% jumlah pekerja kesatuan sekerja) yang dicapai dalam masa tujuh bulan pertama tahun 1994 ialah 10% berbanding dengan 8.3% bagi tempoh yang sama tahun 1993. Bilangan perjanjian upah yang terbesar yang dipersetujui adalah untuk pekerja-pekerja di sektor perkilangan di mana upah purata telah meningkat sebanyak 11.5% untuk tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: 12.2%). Bilangan pekerja yang terlibat iaitu 23,759, adalah kecil berbanding dengan jumlah pekerja di sektor perkilangan yang berjumlah 1.9 juta.



Jadual 8.6

Perjanjian Upah Sektor Swasta
(Januari-Julai)

Sektor	Bilangan perjanjian bersama		Bilangan pekerja terlibat		Purata kenaikan upah (%)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994
Perkilangan	91	115	23,350	23,759	12.2	11.5
Perdagangan	23	25	3,031	4,762	11.0	8.7
Pengangkutan	21	20	2,289	1,874	9.9	10.8
Perkhidmatan	18	26	4,656	23,606	6.4	10.0
Pertanian	4	7	121	412	4.4	11.6
Perlombongan	3	0	2,439	0	4.1	—
Pembinaan	0	1	0	162	—	—
Lain-lain	1	3	2	17	10.0	7.3
JUMLAH	161	197	35,888	54,592	8.3	10.0

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Peningkatan upah, bagaimanapun, tidak selaras dengan peningkatan produktiviti. Produktiviti buruh, berdasarkan kepada ukuran nilai pengeluaran bagi setiap pekerja di sektor perkilangan, menunjukkan perubahan 2.2% dalam tempoh Januari-Julai 1994 berbanding dengan masa yang sama pada tahun 1993. Ini telah menyebabkan peningkatan kos buruh seunit keluaran sebanyak 4.4% untuk tempoh Januari-Julai 1994. Kos buruh di sektor perkilangan merupakan antara 6% hingga 7% daripada nilai jualan barang perkilangan. Ini menunjukkan betapa perlunya diperkenalkan sistem upah yang berasaskan produktiviti, yang mana sedang dikaji oleh Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan.

Bilangan pertikaian perusahaan, mogok dan sekatan masuk kerja yang di catatkan pada tujuh bulan pertama tahun 1994 adalah sebanyak 323 melibatkan 57,390 pekerja berbanding dengan 237 melibatkan 26,175 pekerja yang dilaporkan pada jangka masa yang sama pada tahun 1993. Di sektor perkilangan di mana kejadian pertikaian

perusahaan adalah tertinggi (36% daripada jumlah pertikaian perusahaan) bilangan pertikaian perusahaan dilaporkan telah meningkat kepada 116. (Januari-Julai 1993: 112). Di sektor perladangan, bilangan pertikaian perusahaan berjumlah 108 berbanding dengan 56 dalam jangka masa yang sama tahun 1993, manakala di sektor pengangkutan, 47 pertikaian perusahaan telah dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 berbanding dengan 24 dalam tempoh masa yang sama tahun 1993.

Sebab utama pertikaian perusahaan berlaku ialah ketiadaan persetujuan dicapai berhubung dengan syarat-syarat perkhidmatan termasuk tidak mengikuti syarat-syarat kontrak perjanjian bersama dan kontrak perkhidmatan yang lain; kebuntuan dalam rundingan tawar menawar dan kenaikan pangkat; pembahagian tugas-tugas, pertukaran dan penggunaan kuasa istimewa pihak pengurusan.

Bilangan mogok telah berkurangan daripada 12 untuk tujuh bulan pertama tahun 1993 kepada

lapan dalam jangka masa yang sama pada tahun 1994. Bilangan pekerja yang terlibat di dalam mogok telah berkurangan kepada 704 dalam tempoh masa yang sama tahun 1994 berbanding dengan 1,635 pada tahun 1993. Mogok-mogok kebanyakannya berpunca dari soal-soal tidak mengikuti syarat-syarat persetujuan bersama dan perkhidmatan kontrak, pencabulan hak-hak pekerja dan tindakan disiplin oleh majikan.

Memandangkan kepada peningkatan kemalangan perkilangan, Kerajaan telah mengiatkan kempen untuk menggalakkan suasana keselamatan yang lebih baik di tempat bekerja. Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan yang telah diwartakan pada Februari 1994, bertujuan menentukan supaya majikan mematuhi langkah-langkah keselamatan setiap masa. Majikan adalah dikehendaki menyiasat dan menyelenggarakan alat-alat dari masa ke masa, sementara pekerja-pekerja pula hendaklah dilatih mengenai langkah-langkah perlindungan dan keselamatan untuk mengelakkan kemalangan industri.

RENCANA 6

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Peranannya dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah berkembang dalam tempoh 43 tahun yang lalu sejak ia ditubuhkan sebagai satu Kumpulan Wang Simpanan berasaskan institusi keselamatan sosial yang terulung serta satu sumber utama pembiayaan dalam negeri bagi proses pembangunan ekonomi negara. Kedua-dua peranan KWSP ini telah termaktub sejak pewujudannya sebagaimana digambarkan dalam peruntukan undang-undang yang menguasai pewujudan serta fungsi institusi ini.

Pertumbuhan KWSP

KWSP bermula dengan lebih kurang 12,000 majikan yang membayar RM27 juta dalam caruman untuk 0.5 juta pekerja. Sehingga bulan Disember 1993, terdapat sebanyak 223,142 majikan dan 6.94 juta ahli dengan caruman berjumlah RM7.4 bilion seperti di Jadual 1.

Jadual 1

Keahlian KWSP dan Caruman Mengikut Kumpulan Umur (pada akhir Disember 1993)

Kumpulan umur	Keseluruhan ahli		
	% ahli	% simpanan	Purata simpanan seorang
16-25	27.47	5.91	RM2,206
26-30	17.28	12.12	RM7,189
31-35	16.24	19.77	RM12,474
36-40	13.60	21.92	RM16,518
41-45	10.18	17.90	RM18,031
46-50	7.20	12.70	RM18,076
51-55	5.53	7.99	RM14,793
Lebih 55	2.48	1.69	RM6,990
Tak pasti	0.02	0.00	RM40
JUMLAH	6.94 juta orang	RM7.4 bilion	RM10,250

Sumber: KWSP

Sejak ditubuhkan, Tabung ini telah berkembang berlipat ganda dan setakat ini KWSP adalah merupakan kumpulan simpanan wang dan pencen yang terbesar di negara ini. Sebahagian besar ahli aktif KWSP berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan dan sebanyak 73% mendapat gaji di bawah RM1,000 sebulan seperti di Jadual 2.

Jadual 2

Keahlian KWSP Mengikut Lingkungan Gaji (pada akhir Disember 1993)

Lingkungan Gaji (RM sebulan)	% Ahli Aktif
< 300	14.75%
301-500	22.93%
501-700	20.13%
701-1,000	15.44%
1,001-2,000	17.27%
> 2,000	9.49%
Ahli Aktif	3,587,103

Sumber: KWSP

Dari segi baki kredit, walau bagaimanapun, lebih daripada 70% ahli mempunyai simpanan yang kurang daripada RM10,000 seperti di Jadual 3.

Jadual 3

Keahlian KWSP Mengikut Caruman (pada akhir Disember 1993)

Lingkungan Simpanan	% Ahli
Di bawah RM1,000	28.23
RM1,000-RM1,999	11.17
RM2,000-RM2,999	7.90
RM3,000-RM3,999	6.07
RM4,000-RM9,999	19.36
Lebih RM10,000	27.27
	100%
JUMLAH	6,939,231

Sumber: KWSP

KWSP sebagai Institusi Kewangan

KWSP telah berjaya menempah nama sebagai penggerak utama simpanan dalam negeri dan dengan itu membolehkannya berpotensi untuk menjadi pengurus kewangan yang terkemuka dalam sistem ekonomi. Dalam dua setengah dekad sejak pewujudannya, peranan KWSP sebagai pengurus kewangan dalam proses pembangunan negara adalah secara pasif dan tidak langsung iaitu hanya melalui peranannya sebagai pembeli utama Sekuriti Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam dekad yang baru-baru ini, peranan tradisi ini telah melalui perubahan yang dinamik.

Pada tahun-tahun 1960an sehingga awal 80an, lebih daripada 90% dana kewangan KWSP terikat dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (lihat Jadual 4). Bahagian ini merosot secara berterusan kepada 56% pada 1993 dan ini disebabkan oleh kedudukan fiskal Kerajaan yang bertambah baik dan juga dasar Kerajaan untuk menggalakkan

pihak swasta menjadi jentera penggerak pertumbuhan ekonomi. Selain itu, dengan program penswastaan, keperluan Kerajaan untuk memperoleh sumber kewangan bagi membiayai perbelanjaannya telah berkurangan. Selanjutnya, untuk membolehkan KWSP membiayai inisiatif-inisiatif pihak swasta, peruntukan di bawah AKTA KWSP 1991 telah dilonggarkan untuk membolehkan KWSP menyalurkan sehingga 50% dari sumber kewangan tahunan yang boleh dilaburkan, berbanding dengan 30% dahulu, kepada sekuriti-sekuriti bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun, secara kumulatif, jumlah yang akan dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan masih dikekalkan pada paras 70%.

Sementara keperluan kewangan Kerajaan berkurangan, keperluan kewangan pihak swasta meningkat dengan pesat. Oleh itu KWSP mula membiayai sebahagian inisiatif pihak swasta dalam kebanyakan projek-projek pembangunan, khususnya dalam sektor infrastruktur dan utiliti. Di antara projek-projek yang dibiayai dari sumber

Jadual 4

Bentuk Pelaburan KWSP

Bentuk pelaburan	1960		1970		1980		1993		1994 (setakat Ogos)	
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan
Sekuriti Kerajaan Malaysia	600.05	96	2,0496.02	93	8,518.39	92	39,265.42	56	40,272.18	52
Lain-lain sekuriti	5.03	1	57.71	3	4.14	—	—	—	—	—
Ekuiti	—	—	—	—	25.70	1	2,457.52	4	4,117.70	6
Pinjaman debenture	5.00	1	83.15	3	649.42	6	5,187.85	7	6,127.17	8
Nota janji	—	—	—	—	—	—	2,354.60	4	2,944.95	4
Simpanan tetap, bolehniaga dan wang panggilan	—	—	—	—	—	—	19,751.50	28	21,939.25	28
Pengurus portfolio	—	—	—	—	—	—	506.41	—	734.81	—
Bon koporat	—	—	—	—	—	—	1,082.36	—	1,924.91	2
Cagamas	—	—	—	—	—	—	370.00	—	370.00	—
Bil-bil Bank Negara Malaysia	—	—	—	—	—	—	268.10	—	—	—
Simpanan pendahuluan dengan Bank Negara	9.20	2	2.50	1	63.37	1	—	—	—	—
JUMLAH	619.27	100	2,189.37	100	9,261.02	100	71,243.73	100	78,430.97	100

keuangan KWSP termasuk Sistem Transit Aliran Ringan, Lebuhraya Utara-Selatan, serta penjana tenaga dan hospital swasta. Kadar faedah yang dikenakan ialah di antara 8% hingga 10.25%, bagi menentukan pulangan pelaburan yang tinggi dan lumayan. Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan meningkat kepada RM8.85 bilion pada tahun 1993. Sumbangan pinjaman *debenture* telah meningkat dari 3% pada tahun 1970 kepada 7% pada tahun 1993. Pinjaman *debenture* telah diberi kepada 31 syarikat di antaranya ialah Tenaga Nasional Berhad, Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan, Permodalan Nasional Berhad, Malaysian Airline System Berhad, Perwaja Steel Sdn Bhd dan Perbadanan Tenaga Sabah. Kadar faedah bagi pinjaman *debenture* ialah di antara 6.5% hingga 9.75%. KWSP juga telah menerokai pelaburan pasaran wang sejak 1990. KWSP telah melabur lebih kurang 1% daripada pelaburannya dalam bon korporat pada tahun 1993. Tambahan pula pelaburan equiti, terutamanya dalam pasaran saham telah meningkat dengan pesat sebanyak 95% dalam tahun 1993 daripada tahun 1992 dan setakat Ogos 1994, jumlahnya telah meningkat lagi sebanyak 67%.

KWSP juga telah menerokai bidang untuk memperolehi hartanah. Pada tahun 1993, tiga bidang tanah telah dibeli di Cameron Highland, Bangi dan Johor Bahru dan lot kedai di Tawau dan Kuala Krai. Pengurusan hartanah dianggap sebagai usaha yang akan membawa pulangan pelaburan yang besar. Usaha untuk membangun tanah KWSP di Batu Tiga dan Atabara, Kuantan sebagai projek perumahan, adalah di dalam perancangan.

KWSP sebagai Institusi Keselamatan Sosial

Dari sudut keselamatan sosial, peranan KWSP telah melalui perubahan daripada tertumpu ke atas penyediaan simpanan untuk memenuhi keperluan persaraan ahli-ahli, kepada membaiki taraf keseluruhan dan kualiti kehidupan ahlinya. KWSP telah memperluaskan skop bantuan keselamatan sosial, bertujuan meliputi keperluan pra-persaraan dan persaraan ahli-ahlinya.

Kemudahan dan bantuan yang sedia ada di bawah Skim Bantuan Pengeluaran KWSP boleh dikategorikan seperti berikut:

- (i) *Pengeluaran Umur 50 tahun*—ahli-ahli dibenar mengeluarkan satu pertiga daripada simpanannya apabila mencapai umur 50 tahun. Ini akan membolehkan ahli membuat persiapan untuk masa persaraannya. Dalam tempoh 1988 hingga 1992, sebanyak 176,866 pengeluaran berjumlah RM1.3 bilion telah dibuat di bawah skim ini.
- (ii) *Pengeluaran Perumahan Kos Rendah*—berkuatkuasa pada bulan Mei 1977, KWSP membenarkan ahli yang berpendapatan tidak lebih daripada RM500 sebulan untuk mengeluarkan 10% daripada simpanan untuk memenuhi kos pembelian rumah kos rendah. Pada tahun 1992, ahli-ahli dibenarkan membeli atau membina rumah di tanah yang terletak di luar kawasan Majlis Perbandaran atau Kerajaan Tempatan dan berharga tidak lebih daripada RM25,000 di Semenanjung Malaysia dan RM32,000 di Sabah dan Sarawak. Dengan cara ini, KWSP dapat menyediakan perlindungan bagi warga tua dan telah meluaskan peranannya kepada menyediakan pelbagai jenis keselamatan sosial. Sebanyak 180,925 pengeluaran berjumlah RM1.4 bilion telah dibuat di bawah skim ini dalam tempoh 1988 hingga 1992.
- (iii) *Pengeluaran Perumahan yang lain*—pada tahun 1982, KWSP telah memperluaskan skim pengeluaran perumahan kepada ahli-ahli yang membeli rumah, selain dari yang berkos rendah. Tujuan skim ini ialah untuk membantu ahli-ahli membuat bayaran permulaan. Ahli-ahli boleh mengeluarkan 10% harga pembelian rumah baru atau tidak lebih daripada 45% baki kredit, yang mana kurang, asalkan jumlahnya tidak melebihi RM20,000. Pada tahun 1986, had pengeluaran untuk membeli rumah bukan kos rendah dinaikkan dari 10% kepada 20% daripada harga pembelian. Pada tahun 1992, jumlah maksimum pengeluaran telah dinaikkan dari RM20,000 kepada RM40,000.
- (iv) *Pengeluaran Dividen*—bantuan ini diperkenalkan pada bulan Januari 1982 yang mana ahli yang telah mencapai umur 55 tahun boleh mengeluarkan hanya dividen tahunan sedangkan jumlah pokoknya disimpan dengan KWSP. Ahli-ahli digalakkan menyimpan carumannya dengan KWSP kerana dividennya dikecualikan daripada cukai.
- (v) *Amaun Tambahan Ke Atas Kematian dan Hilang Keupayaan*—skim ini diperkenalkan pada tahun 1977 dan memberi perlindungan kepada ahli sehingga umur 60 tahun. Jumlah maksimum RM30,000 dan minimum RM500 dikenakan pada tahun 1986. Pada tahun 1991, jumlah minimumnya dinaikkan dari RM500 kepada RM1,000. Jumlah ini adalah untuk memenuhi perbelanjaan yang dilakukan

oleh waris terdekat. Satu lagi skim yang diperkenalkan pada tahun 1986, membolehkan ahli yang tidak berkeupayaan sepanjang umur mendapat amaun tambahan berasaskan prinsip insuran, melebihi daripada simpanan ahli. Jumlah yang di bayar adalah tertakluk kepada jumlah maksimum RM30,000 dan minimum RM1,000.

- (vi) *Skim Pembaharuan Caruman*—skim ini menggalakkan ahli yang telah mengeluarkan semua simpanan setelah mencapai umur 55 tahun atau telah meninggalkan negeri, dan kemudiannya bekerja semula, untuk terus menyumbang kepada KWSP. Oleh itu, pesara bukan sahaja dapat menyimpan 10% gaji mereka dalam bentuk caruman tetapi juga mendapat tambahan 12% caruman dari majikan dan juga dividen tahunan dari KWSP.

KWSP telah mengkaji semula Skim Bantuan Pengeluarannya dengan tujuan memenuhi keperluan pra-persaraan dan persaraan ahlinya. Ke arah ini, satu skim pengeluaran kesihatan dan perubatan yang baru akan diperkenalkan manakala kemudahan pengeluaran perumahan yang sedia ada akan diperbaiki lagi.

(i) **Bantuan Pengeluaran Kesihatan**

Memenuhi keperluan kesihatan dan perubatan merupakan satu beban yang kian meningkat kepada ahli KWSP. Ini adalah khususnya bagi ahli dalam golongan berpendapatan rendah apabila mengalami penyakit yang serius di antara ahli keluarganya. Sebagai satu cara untuk mengurangkan beban kewangan ahli, KWSP mulai 1 November 1994, membenarkan ahlinya untuk mengeluarkan 10% daripada carumannya untuk memenuhi kos rawatan dan perubatan. Pengenalan kemudahan pengeluaran ini adalah bertujuan mengurangkan beban kewangan dan membantu ahli yang tidak menerima skim bantuan kesihatan daripada majikan atau di mana skim yang diberikan oleh majikan tidak mencukupi untuk menemui kos rawatan perubatan.

(ii) **Kemudahan Pengeluaran Perumahan**

Di bawah Pakej Pengeluaran Perumahan yang baru, pencarum KWSP boleh mengeluarkan 30% carumannya, secara sekali gus untuk membantu pembelian rumah. Pengeluaran ini hanya dibenarkan dalam keadaan di mana jumlah pengeluaran ini tidak melebihi harga rumah bagi kes di mana ahli tidak mendapat 100% pinjaman perumahan untuk pembelian rumah dari sumber-

sumber lain. Ahli KWSP yang mendapat 100% pinjaman untuk membiayai pembelian rumah dari sumber-sumber lain boleh mengeluarkan 10% harga rumah daripada baki KWSP (30%) bagi maksud memenuhi kos berkaitan dengan pembelian seperti bayaran peguam, premium insurans dan lain-lain kos.

Satu ciri tambahan Pakej Pengeluaran Perumahan Baru KWSP ialah pengenalan kemudahan yang membolehkan ahli-ahli untuk membuat dua pengeluaran sekali gus bagi maksud mengurangkan *mortgage* perumahan. Ahli-ahli dibenarkan membuat dua pengeluaran sekali gus setakat 30% carumannya berasaskan jarak masa lima tahun sehingga mencapai umur 50 tahun.

KWSP akan memikul peranan utama pada masa akan datang di sektor perumahan. Sebagai permulaan, KWSP akan mengenalkan mulai 1 Disember 1994, satu Skim Pinjaman Perumahan untuk pencarum dengan kadar faedah yang kompetitif dengan keadaan pasaran semasa. Dari sudut penawaran, KWSP akan mengambil peranan utama sebagai pembiaya aktif dalam projek-projek perumahan khususnya yang berkos rendah dan sederhana dalam usaha untuk mencapai tujuan Kerajaan untuk menemui keperluan perumahan rakyat dengan harga yang berpatutan, dalam kemampuan mereka dan dengan tidak memberi tekanan kewangan kepada golongan pendapatan rendah dan sederhana.

Bagi memudahkan pelaksanaan, Pakej Pengeluaran KWSP yang diubahsuai, dan tanpa menjejaskan tujuan utama KWSP iaitu menyediakan keselamatan kewangan, akaun setiap ahli di KWSP akan dibahagikan kepada 3, iaitu akaun persaraan (Akaun I) yang terdiri daripada 60% jumlah caruman ahli untuk tujuan persaraan sahaja; akaun pra-persaraan (Akaun II) yang terdiri daripada 30% caruman ahli untuk digunakan bagi perumahan dan pengeluaran pada umur 50 tahun dan Akaun Pengeluaran Kesihatan (Akaun III) yang terdiri daripada 10% jumlah caruman ahli untuk digunakan bagi keperluan kesihatan dan rawatan perubatan.

Penutup

Semasa negara menuju ke arah mencapai kedua-dua wawasan ekonomi dan sosialnya menjelang tahun 2020, peranan KWSP dalam pembangunan akan menjadi lebih penting dan terkemuka. Adalah dianggarkan bahawa KWSP akan menjadi sumber kewangan yang terpenting untuk membiayai pembangunan ekonomi dan juga akan terus memupuk evolusi masyarakat penyayang dan seimbang.